

# 11 rakyat Malaysia sudah tinggalkan Ukraine: PM

Kedudukan terkini tidak didedah atas faktor keselamatan

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim dan Ahmad Suhael Adnan  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Sebelas rakyat Malaysia yang berada di Ukraine, sudah meninggalkan Kyiv dan dalam perjalanan untuk keluar dari negara itu susulan konflik yang melanda.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata beliau bagaimanapun tidak boleh mendedahkan lokasi semua individu terbabit atas faktor keselamatan.

"Kita ada 23 rakyat di Ukraine, sama ada bekerja di kedutaan, belajar dan sebagainya. Seramai

12 daripada mereka sudah meninggalkan Ukraine minggu lalu dan bakinya sedang dalam perjalanan.

"Saya tidak mahu sebut dari mana ke mana, demi keselamatan mereka. Kita tidak tahu apa berlaku di sana," katanya pada sidang media di Bangkok, Thailand, semalam, yang disiarkan secara langsung oleh *RTM* dan melalui Facebook.

Ismail Sabri berkata, Kementerian Luar sentiasa berhubung dengan kumpulan berkenaan untuk mengetahui perkembangan mereka.

Mengulas perkembangan berkaitan, Perdana Menteri dalam satu kenyataan, menggesa semua pihak yang terbabit dalam konflik di Ukraine untuk segera meredakan keganasan yang berlaku dan mengelak pertambahan angka korban serta kemusnahan.

Bimbang dengan ketegangan yang semakin memuncak, beliau menegaskan, Malaysia akan menyokong sebarang usaha untuk

menamatkan konflik itu menerusi penyelesaian secara aman dan damai, khususnya menerusi dialog dan rundingan berdasarkan undang-undang antarabangsa dan Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Pertempuran bersenjata antara Russia dan Ukraine bermula Khamis lalu apabila Presiden Russia, Vladimir Putin mengumumkan pihaknya melancarkan 'operasi ketenteraan khas' di wilayah Donbas di timur Ukraine.

Konflik itu kemudian dengan pantas bertukar menjadi 'perang berskala penuh' dengan Russia menyerang dan menawan beberapa bandar Ukraine, dalam serangan yang disifatkan terbesar terhadap negara Eropah selepas Perang Dunia Kedua.

Perdana Menteri turut menggesa PBB memainkan peranan dan melaksanakan tanggungjawab utamanya untuk mengekalkan keamanan dan keselamatan, dengan menamatkan perang di Ukraine.